From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 31 July, 2022 3:53:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SMMTC Terima Lawatan Delegasi BSRU, Thailand Bincang Aktiviti Di Bawah Memorandum Persefahaman

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 JULAI 2022 / 2 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: SMMTC

SMMTC TERIMA LAWATAN DELEGASI BSRU, THAILAND BINCANG AKTIVITI DI BAWAH MEMORANDUM PERSEFAHAMAN



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) telah menerima lawatan dari Bansomdejchaopraya Rajabhat University (BSRU), Thailand bagi tujuan perbincangan kolaborasi di

bawah payung Memorandum Persefahaman (MoU) antara UUM-BSRU, baru-baru ini.

Seramai 30 staf BSRU 'terbang' dari Bangkok terdiri daripada ketua delegasi BSRU iaitu Dekan Fakulti Pengurusan Sains, Prof. Madya Dr. Nusanee Meekaewkunchorn, pensyarah-pensyarah BSRU dan kakitangan pentadbiran BSRU.

Dekan SMMTC, Prof. Madya Dr. Norsiah Abdul Hamid berkata, antara intipati perbincangan dua hala itu adalah untuk memperbaharui MoU yang akan tamat pada Januari 2023, program mobiliti pelajar, pertukaran staf akademik serta pensyarah jemputan, penyelidikan dan kerjasama dalam penganjuran konferen, seminar dan webinar.

"Saya berharap pertemuan dan perbincangan dua hala ini dapat menyemarakkan lagi peluang kolaborasi program antara UUM dan BSRU kerana sejak memeterai MoU ini, banyak aktiviti telah dilaksanakan antaranya penganjuran bersama *The 6th International Multiconference of Management Science 2022* dan *International Conference on Media Studies* (ICMS 2019).

"Selain itu, dua staf akademik SMMTC iaitu Dr. Azahar Kasim dan Dr. Mohamad Noor Salehhuddin Sharipudin telah menyertai *6th International Multiconference of Management Science 2022* anjuran BSRU di Bangkok pada 21 Julai lalu yang menyaksikan Dr. Mohamad Noor memenangi *The Best Paper Award* pada konferen tersebut, selain dijemput sebagai penceramah dalam program *Enhancement of Lecturer's Academic Potential 'How to Write a Manuscript for Publishing in a Scopus Journal*' di Fakuti Pendidikan BSRU pada 22 Julai," katanya.

Tambah Norsiah, lawatan BSRU ke UUM kali ini telah membuka ruang kerjasama yang lebih erat dan perancangan aktiviti-aktiviti di bawah MoU pada masa hadapan.

Kemudian, delegasi BSRU dibawa melawat sekitar SMMTC dan sekitar kampus UUM.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.